



**MALAYSIA
MADANI**

**INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**

BULETIN INSTUN



Menarik di Dalam!

**Web-Based GIS Application Development using
Open Source Platforms Training Programme At
Yogyakarta, Indonesia**

**Kursus Asas Pentadbiran Tanah, Hak Lalu Lalang
dan Ismen serta Kursus Pengambilan Tanah**

**Lawatan Ke Pesta Buku Antarabangsa
Kuala Lumpur 2026**

eISSN 3120-3302



JUN 2026

HAKCIPTA TERPELIHARA

**@ Institut Tanah dan Ukur Negara
Terbitan 2026**

Tiada mana-mana bahagian daripada buletin ini yang boleh disiarkan-terbitkan semula dalam sebarang bentuk dan dengan apa cara sekalipun termasuklah elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin bertulis daripada Penerbit Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN).

Buletin INSTUN diterbitkan secara bulanan dalam format digital.

Diterbitkan oleh

Institut Tanah & Ukur Negara (INSTUN)
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)
35950 Tanjung Malim
Perak Darul Ridzuan

No. Tel : 05-448 7000
No. Fax : 05-448 7011
Laman sesawang : www.instun.gov.my



SIDANG REDAKSI

PENAUNG
TUAN KHAIRIN NAZRY BIN KARIM

PENASIHAT
ENCIK ZULHASMI BIN MOHAMAD

KETUA EDITOR
CIK NORIMAH BINTI WAHAB

PEREKAAN & GRAFIK
ENCIK MOHD SHAHERI BIN MOHD NAZERI

SIDANG EDITOR
UKP BPP
UKP BPPT
UKP BUP
UKP BTM
UKP INSTUN

DARI KETUA EDITOR

Syukur ke hadrat Allah s.w.t, buletin INSTUN 2026 bagi bulan Jun telah berjaya diterbitkan. Antara tujuan utama penerbitan buletin INSTUN ini adalah untuk melaporkan aktiviti- aktiviti yang telah dijalankan di INSTUN sepanjang bulan Jun. Ia jugak adalah sebagai satu platform saluran maklumat yang boleh dikongsi bersama tentang informasi aktiviti yang telah dijalankan selari dengan perancangan di dalam takwin INSTUN khususnya.

Diharapkan penerbitan buletin ini akan menjadikan peransang kepada semua pegawai, khususnya penyelaras yang melaksanakan Aktiviti supaya menghantar laporan aktiviti penyelaras buletin Jabatan untuk dijadikan sebagai satu penerbitan. Tahniah sekali lagi kepada sidang editor buletin INSTUN pada kali ini. Diharapkan usaha ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

NORIMAH BINTI WAHAB

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

Bahagian Ukur dan Pemetaan (BUP)

Web-Based GIS Application Development using Open Source Platforms Training Programme At Yogyakarta, Indonesia	1-2
Program Lawatan Sambil Belajar SABK Maahad Al-Tarbiah Al-Islamiah, Changkat Jering di Institut Tanah Dan Ukur Negara (INSTUN)	3
Majlis Kendurian Bahagian Ukur dan Pemetaan	4
Kunjungan Hormat dan Lawatan Teknikal Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) ke Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	5-6
UGE04/26 : Kursus Dalam Talian : <i>Kursus Global Navigation Satellite System (GNSS) - Asas</i>	7
<i>Kursus Safety Management System Implementation</i>	8
UK08/26: Kursus Pemetaan Utiliti Bawah Tanah – Siri 1	9-10
UKE04/26 - Kursus Dalam Talian – Asas Pengenalan <i>Building Information Modelling (BIM)</i> Dalam Bidang Kadaster	11-12
UPE07/26 - Kursus Asas Pemetaan Topografi	13
<i>Kursus Remote Pilot Certificate of Competency-Basic (RCOC-B)</i>	14
Program Lawatan Industri dan Kursus GNSS	15
Mesyuarat Permulaan Khidmat Nasihat Teknikal (KNT) bagi Projek Pembinaan Pusat Hidrografi INSTUN	16

Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah (BPPT)

Kursus Asas Pentadbiran Tanah, Hak Lalu Lalang dan Ismen serta Kursus Pengambilan Tanah	17
Kursus Pengurusan Tanah, Hakmilik dan Undang-Undang Berkaitan	18
Kursus Pendaftaran Tanah kepada Pegawai Tadbir Negeri Gred N9 dan Pegawai Tadbir Lantikan Tetap dan Bercarum Negeri Kelantan	19
Kursus Dalam Talian: Tanggungjawab Pemilik Petak Strata (TKE07/26)	20
Kursus Dalam Talian: Lesen Pendudukan Sementara (TKE08/26)	21
Kursus Dalam Talian: Pengambilan Tanah (TLE17/26)	22
Kursus Dalam Talian : Kursus Pelupusan Tanah di Bawah KTN (TLE18/26)	23
Kursus Sijil Pentadbiran Tanah -Modul II : Bilangan 1 (Modul Kanun Tanah Negara)	24

Bahagian Teknologi Maklumat (BTM)

Eksplorasi Borangmy oleh Govtech Malaysia	25
Kursus Dalam Talian: Pemantapan Produktiviti Menggunakan Google Workspace (GWS) (TME12/26)	26-27

Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (BPP)

Program Jom Sihat @ INSTUN	28
Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) antara Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	29-30
Lawatan Ke Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2026	31
Audit Pengawasan (<i>Surveillance Audit</i>) ISO 9001:2015 Tahun 2026	32
Sesi Pembukaan Audit Pengawasan (<i>Surveillance Audit</i>) ISO 9001:2015 Tahun 2026	33

Bahagian Pentadbiran dan Kewangan (BPK)

Program Ceramah Maal Hijrah Sempena Awal Muharram 1448H	34
Kursus Dalam Talian : Integriti Cerminan Iman dan Keperibadian	35
Kunjungan Hormat Institut Tanah Dan Ukur Negara (Instun) ke atas Razak School Of Government (RSOG)	36
Sesi Pembukaan dan Sesi Penutupan Audit Pengawasan (<i>Surveillance Audit</i>) ISO 9001: 2015 Tahun 2026	37

Bahagian Ukur dan Pemetaan (BUP)

Web-Based GIS Application Development using Open Source Platforms Training Programme At Yogyakarta, Indonesia

TARIKH : 8 - 11 JUN

TEMPAT : Yogyakarta, Indonesia

**RINGKASAN
PROGRAM**


Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) telah menyertai Web-Based GIS Application Development Using Open Source Platforms Training Programme yang berlangsung pada 8 hingga 11 Jun 2026 di Yogyakarta, Indonesia anjuran PT TechnoGIS Indonesia.

Penyertaan kursus ini melibatkan tiga (3) orang tenaga pengajar INSTUN iaitu LSr Hafizzuddin Bin Mohamed, Sr Khadijah Binti Sahdan dan En. Mohd Azlan Bin Tarmiti.

Kursus ini memberi pendedahan kepada pembangunan aplikasi Sistem Maklumat Geografi (GIS) berasaskan web menggunakan platform sumber terbuka (open source), merangkumi pengurusan pangkalan data spatial, penerbitan data geospasial, pembangunan aplikasi WebGIS serta amalan terbaik dalam pelaksanaan sistem geospasial digital.

Melalui penyertaan ini, tenaga pengajar INSTUN berpeluang meningkatkan kompetensi teknikal dalam teknologi geospasial terkini serta memperoleh pengalaman praktikal yang boleh dimanfaatkan dalam pembangunan dan penambahbaikan modul latihan geospasial di INSTUN.

INSTUN sentiasa komited dalam memperkukuh kompetensi tenaga pengajar agar kekal relevan dengan perkembangan teknologi semasa serta mampu menyampaikan latihan yang berkualiti, berimpak tinggi dan memenuhi keperluan pelanggan serta pihak berkepentingan.





BUP

Program Lawatan Sambil Belajar SABK Maahad Al-Tarbiah Al-Islamiah, Changkat Jering di Institut Tanah Dan Ukur Negara (INSTUN)

TARIKH : 9 - 11 Jun 2026

TEMPAT : Pusat Kecemerlangan Ukur Geodetik (PKUG), INSTUN

**RINGKASAN
PROGRAM** :

Kursus Ukur Kejuruteraan Dalam Pembinaan (UG16/26) telah berjaya dilaksanakan pada 9-11 Jun 2026 secara fizikal di INSTUN. Kursus ini dihadiri seramai 25 orang peserta iaitu pelajar serta guru dari Kolej Vokasional, Besut, Terengganu. Penceramah yang terlibat dalam kursus ini adalah penceramah dalaman iaitu Sr Zakaria bin Abdullah dan Pn Norfariza binti Zainal. Manakala fasilitator dalaman pula En Harun Amin Al-Rasyid bin Marabi dan En Wong Khai Meng.

Objektif ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada peserta mengenai proses pengukuran kejuruteraan dalam perancangan pembangunan. Semoga kursus ini memberi manfaat dan menambah ilmu pengetahuan kepada para peserta.



BUP

Majlis Kendurian Bahagian Ukur dan Pemetaan

TARIKH : 29 Jun 2026

TEMPAT : Kafetaria Pusat Kalibrasi, INSTUN

**RINGKASAN
PROGRAM** :

Majlis ini diadakan bagi mengeratkan hubungan silaturahim, memupuk semangat kerjasama dan kekitaan serta menghargai sumbangan warga Bahagian Ukur dan Pemetaan (BUP) ke arah mewujudkan persekitaran kerja yang harmoni dan kondusif.





BUP

Kunjungan Hormat dan Lawatan Teknikal **Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) ke** **Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP),** **Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)**

TARIKH : 16 Jun 2026

TEMPAT : Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Parit Raja, Johor

**RINGKASAN
PROGRAM** :

Delegasi INSTUN diketuai oleh YBrs. Tuan Khairin Nazry bin Karim, Pengarah INSTUN dengan diiringi oleh LSr Muhammad Husaini bin Ya'cob, Ketua Bahagian Ukur dan Pemetaan. Turut serta di dalam lawatan ini adalah barisan pegawai pengurusan dan profesional dan wakil pelaksana yang terdiri daripada:

- Sr Fauzani binti Azam - Ketua Program Ukur (Pemetaan)
- Sr Zakaria bin Abdullah - Ketua Program Ukur (Geodetik)
- LSr Hafizzuddin bin Mohamed - Ketua Program Ukur (Pengurusan)
- Encik Ahmad Kamal Ihsan bin Anuar - Penolong Pendaftar (Kewangan)
- Encik Mohd Ridzuan bin Che Hassan - Penolong Pendaftar (Pentadbiran)
- Encik Dzulhelmy bin Aziz - Penolong Pendaftar (Pengurusan Sumber Manusia)
- Encik Mohamad Syafiq bin Mohd Rossli - Penolong Ketua Program Ukur (Penawanan Data-Aerial)
- Encik Mohd Syakirin bin Ismail - Penolong Pegawai Keselamatan

Lawatan ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan cara pengurusan UTHM sebagai badan berkanun dengan merujuk kepada kolaborasi strategik dalam memberikan khidmat latihan serta memiliki Remote Pilot Training Organisation (RPTO) yang diiktiraf oleh Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM). Selain itu, ia juga bertujuan untuk meneroka peluang kolaborasi strategik dan pemindahan ilmu (knowledge transfer) antara agensi awam dan pihak akademik khususnya dalam memperkasakan latihan berkaitan teknologi (UAS).

Sepanjang sesi lawatan tersebut, delegasi INSTUN turut dibawa meninjau fasiliti dan pengoperasian di beberapa lokasi rujukan antaranya:

- Perpustakaan Tunku Tun Aminah, UTHM
- Bangunan E10, Avitex Solution (M) Sdn. Bhd, UTHM

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak UTHM dan semua pihak yang telah memberikan komitmen penuh dalam menjayakan lawatan kerja ini dengan cemerlang.



BUP


UGE04/26 : Kursus Dalam Talian : Kursus *Global Navigation Satellite System (GNSS)* - Asas

TARIKH : 30 Jun 2026

TEMPAT : Secara dalam talian

**RINGKASAN
PROGRAM** :

Kursus ini memberi pendedahan asas mengenai konsep, sistem dan peralatan *Global Navigation Satellite System (GNSS)* serta aplikasi pengukuran dan penentuan kedudukan satelit dalam kerja ukur, pemetaan dan geospasial.



BUP

Kursus Safety Management System Implementation

TARIKH : 24-26 Jun 2026

TEMPAT : Dviation Training Centre, Shah Alam, Selangor

**RINGKASAN
PROGRAM** :

Kursus ini memberi pendedahan kepada peserta mengenai konsep dan pelaksanaan *Safety Management System* (SMS) dalam industri penerbangan yang merangkumi dasar keselamatan, pengurusan risiko, pengenaltastian bahaya, jaminan keselamatan, pelaporan insiden, pengurusan perubahan serta audit dan penambahbaikan berterusan bagi memastikan pematuhan kepada piawaian keselamatan penerbangan antarabangsa.



UK08/26: Kursus Pemetaan Utiliti Bawah Tanah – Siri 1

TARIKH : 23 - 25 Jun 2026

TEMPAT : INSTUN

**RINGKASAN
PROGRAM** :

Seramai 30 orang peserta kursus telah berjaya menghadiri kursus ini. Para penceramah dan fasilitator kursus adalah:

1. Sr Mohd Harris Hafizi Bin Mohd Shahidan (JUPEM)
2. En. Khairul Fahmi bin Mansor (JUPEM)
3. En. Abdul Hadi bin Ishak (JUPEM)
4. En. Nik Razali Bin Nik Man (JUPEM)
5. En. Ahmad Shah bin Muhammad Fa'iz (JUPEM)
6. En. Mohd Hafizuddin bin A. Rahman (JUPEM)
7. En. Muhammad Afiq Aiman bin Md Yazid (JUPEM)

Kursus ini bertujuan untuk memberi kefahaman secara teori mengenai prinsip asas Pemetaan Utiliti Bawah Tanah serta menfokuskan kerja-kerja pemprosesan suntingan data lapangan untuk dimuat naik ke dalam Pangkalan Data Utiliti Kebangsaan (PADU). Semoga dengan penganjuran kursus ini dapat memberi manfaat dan membantu dalam melaksanakan proses kerja semasa yang berkuatkuasa. Serta di samping itu dapat meningkatkan kemahiran diri dan pengetahuan secara amnya.

Secara keseluruhan, kursus ini berjalan dengan lancar. Slaid pembentangan, nota dan video kursus yang telah disediakan dapat membantu para peserta untuk lebih faham dengan lebih jelas terhadap apa yang disampaikan oleh penceramah kursus.

Berdasarkan penilaian, para peserta berpuas hati dengan pengisian kursus dari aspek slot ceramah dan penyediaan bahan kursus. Segala cadangan dan usul yang telah dimaklumkan oleh para peserta akan dipertimbangkan dan penambahbaikan akan dilakukan pada masa akan datang bagi melicinkan perjalanan kursus.





UKE04/26 - Kursus Dalam Talian – Asas Pengenalan *Building Information Modelling (BIM)* Dalam Bidang Kadaster

TARIKH : 10 Jun 2026

TEMPAT : Secara dalam talian

**RINGKASAN
PROGRAM** :

Seramai 58 orang peserta daripada pelbagai jabatan dan agensi telah berjaya menghadiri kursus ini. Kursus ini bertujuan memberikan pendedahan serta meningkatkan kefahaman peserta mengenai konsep, aplikasi dan potensi Building Information Modelling (BIM) dalam menyokong pembangunan SmartKadaster, selaras dengan transformasi pendigitalan sektor geospasial dan pengurusan maklumat spatial negara.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih diucapkan kepada para penceramah yang telah berkongsi ilmu, pengalaman serta kepakaran sepanjang kursus berlangsung:


Sr Dr. Syed Ahmad Fadhli bin Syed Abdul Rahman (JUPEM)

LSr Siti Mariam binti Noruddin (JUPEM)

Sepanjang kursus, para peserta turut dibekalkan dengan slaid pembentangan, nota serta rakaman video pembelajaran sebagai bahan rujukan bagi membantu meningkatkan pemahaman terhadap topik yang disampaikan.

Secara keseluruhannya, kursus ini telah berlangsung dengan lancar dan mendapat maklum balas yang amat positif daripada para peserta. Berdasarkan penilaian yang diterima, majoriti peserta berpuas hati terhadap kandungan kursus, penyampaian penceramah serta bahan pembelajaran yang disediakan.





UPE07/26 - Kursus Asas Pemetaan Topografi

TARIKH : 9 Jun 2026

TEMPAT : Secara dalam talian

RINGKASAN PROGRAM :

Kursus ini memberi pendedahan kepada peserta mengenai asas pemetaan topografi yang merangkumi sistem koordinat, penggunaan peralatan GNSS, penawanan data lapangan, verifikasi data, pemrosesan data cerapan serta penghasilan peta topografi menggunakan aplikasi GIS seperti QGIS.



BUP

Kursus Remote Pilot Certificate of Competency-Basic (RCOC-B)

TARIKH : 8 - 13 Jun 2026

TEMPAT : Mranti Park, Bukit Jalil, Kuala Lumpur

**RINGKASAN
PROGRAM** :

Kursus ini dihadiri sebagai persediaan ke arah penubuhan Remote Pilot Training Organisation (RPTO) di INSTUN. Melalui kursus ini, peserta akan memperoleh pengetahuan dan pensijilan asas yang diperlukan dalam pengoperasian dron serta memenuhi keperluan kompetensi untuk menyokong pembangunan, pelaksanaan dan penyampaian latihan dron di INSTUN pada masa hadapan.



Program Lawatan Industri dan Kursus GNSS bersama UiTM Cawangan Perak

TARIKH : 15 - 16 Jun 2026

TEMPAT : Dewan Kuliah Induksi (DKI), INSTUN

**RINGKASAN
PROGRAM** :

Program Lawatan Industri dan Kursus Global Navigation Satellite System (GNSS) telah diadakan pada 15 hingga 16 Jun 2026 bertempat di Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN), Behrang, Perak. Program ini melibatkan pelajar dan pensyarah dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar.

Program ini bertujuan memberi pendedahan kepada peserta mengenai aplikasi teknologi GNSS dalam bidang ukur tanah dan geomatik serta meningkatkan kefahaman terhadap penggunaan peralatan dan kaedah pengumpulan data geospasial yang digunakan dalam industri.

Program ini telah berjaya mencapai objektif yang ditetapkan. Peserta memperoleh pengetahuan dan pengalaman praktikal berkaitan teknologi GNSS yang dapat membantu meningkatkan kompetensi dalam bidang geomatik dan ukur tanah.

Selain itu, peserta turut mendapat pendedahan mengenai perkembangan teknologi geospasial terkini serta peluang kerjaya dalam industri berkaitan.



BUP

Mesyuarat Permulaan Khidmat Nasihat Teknikal (KNT) bagi Projek Pembinaan Pusat Hidrografi INSTUN

TARIKH : 5 Jun 2026

TEMPAT : Ibu Pejabat JKR, Kuala Lumpur

**RINGKASAN
PROGRAM** :

Mesyuarat ini diadakan bagi menyelaraskan keperluan awal reka bentuk, skop kerja, dan dokumentasi teknikal antara pihak JKR dan INSTUN bagi memastikan kelancaran perancangan projek bagi projek pembinaan Pusat Hidrografi INSTUN.



Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah (BPPT)

Kursus Asas Pentadbiran Tanah, Hak Lalu Lalang dan Ismen serta Kursus Pengambilan Tanah

TARIKH : 12 hingga 14 Jun 2026

TEMPAT : Lexus Port Dickson

**RINGKASAN
PROGRAM** :

PDT Rembau telah menjemput tenaga penceramah INSTUN bagi menambah pengetahuan dan meningkatkan kemahiran anggota PDT Rembau berkaitan undang-undang yang terkait dengan Hak lalu lalang, Ismen dan juga Pengambilan Tanah. Semoga perkongsian dari tenaga pengajar INSTUN bermanfaat dan menjadi panduan kepada anggota PDT Rembau



Kursus Pengurusan Tanah, Hakmilik dan Undang-Undang Berkaitan

TARIKH : 15 hingga 16 Jun 2026

TEMPAT : Bangunan PKNS, Shah Alam

**RINGKASAN
PROGRAM** :

PKNS terus memberi kepercayaan kepada Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN), dalam pembangunan kompetensi dan kapasiti Pegawai-pegawai daripada PKNS berkaitan pentadbiran dan perundangan tanah. Justeru, Kursus pada kali ini memberi fokus kepada Pengurusan Tanah, Hakmilik dan undang-undang yang berkaitan. Dua (2) orang penceramah INSTUN telah diberi kepercayaan untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman kepada para peserta. Semoga segala perkongsian memberi manfaat kepada para peserta.



Kursus Pendaftaran Tanah kepada Pegawai Tadbir Negeri Gred N9 dan Pegawai Tadbir Lantikan Tetap dan Bercarum Negeri Kelantan

TARIKH : 23 hingga 25 Jun 2026

TEMPAT : Dewan Bunga Teratai, Kompleks Kota Darul Naim

RINGKASAN PROGRAM

SUK Kelantan giat dalam usaha membangunkan kompetensi dan kapasiti Pegawai-pegawai di Pentadbiran tanah Negeri Kelantan khususnya pegawai-pegawai baharu yang dilantik. Justeru, satu kursus khas telah dilaksanakan atas permohonan pihak SUK dengan memberi penekanan kepada aspek pendaftaran tanah yang merupakan tunjang utama dalam pengurusan hal ehwal tanah. Platform perkongsian ilmu ini turut dimanfaatkan bagi memperoleh penjelasan serta panduan yang bermanfaat dalam menangani isu-isu yang berbangkit.

Semoga segala urusan Pegawai Tadbir Negeri serta Pegawai Tadbir Lantikan Tetap dan Bercarum Negeri Kelantan sentiasa dipermudahkan dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.



Kursus Dalam Talian: Tanggungjawab Pemilik Petak Strata (TKE07/26)

TARIKH : 16 Jun 2026

TEMPAT : Dalam Talian (Google Meet)

RINGKASAN PROGRAM

Kursus ini telah dihadiri seramai 64 orang pegawai dari pelbagai agensi negeri di Semenanjung Malaysia. Objektif kursus meningkatkan pengetahuan dan kefahaman Pemilik Lot Strata terhadap pemilikan masing-masing. Penceramah bagi kursus ini ialah Sr Shahril bin Omar dari JPPH Miri, Sarawak.

JADUAL KURSUS

NO. KURSUS	TITLE KURSUS	TEMPAT KURSUS	TARIKH KURSUS	WAKTU KURSUS	PENYAJI KURSUS
1	Tanggungjawab Pemilik Petak Strata	Online	16 Jun 2026	10:00 AM - 12:00 PM	Sr Shahril bin Omar

TANGGUNGJAWAB PEMILIK PETAK STRATA

Diofikan Oleh:
Sr Shahril bin Omar
Pegawai Teknikal Miri
Jabatan Penilaian dan Pengkhususan Miri
Kementerian Kewangan Malaysia

HIMPUN PENDERULAN STRATA

PERKARA - PERKARA YANG PERLU DIKETAHUI DALAM PENGURUSAN STRATA

- MISYARAT AGONG
- AKAUN BERBAUDIT
- INSURANS
- UNDANG UNDANG KECIL
- CAJ PENTINGGARAAN
- KUMSI DAN TANGGUNGJAWAB STRATA



Kursus Dalam Talian: Lesen Pendudukan Sementara (TKE08/26)

TARIKH : 23 Jun 2026

TEMPAT : Dalam Talian (Google Meet)

RINGKASAN PROGRAM :

Kursus ini telah dihadiri seramai 59 orang pegawai dari pelbagai agensi negeri di Semenanjung Malaysia. Objektif kursus meningkatkan pendedahan dan kefahaman kepada masyarakat mengenai aspek Lesen Pendudukan Sementara. Penceramah bagi kursus ini ialah Encik Zahar bin Sapor.



BPPT

Kursus Dalam Talian: Pengambilan Tanah (TLE17/26)

TARIKH : 9-11 Jun 2026

TEMPAT : Dalam Talian (Google Meet)

**RINGKASAN
PROGRAM** :

Kursus ini telah dihadiri seramai 54 orang pegawai dari pelbagai agensi negeri di Semenanjung Malaysia. Objektif kursus meningkatkan pengetahuan dan kefahaman berkaitan pengambilan tanah. Penceramah INSTUN terdiri daripada Encik Mohd Shukri bin Hamzah, Encik Huzaifah bin Amnan dan Encik Azman bin Mad Dali. Manakala penceramah jemputan terdiri daripada Puan Jurita binti Juhari dari JKPTG dan Sr Mohd Zam Zam bin Mohamad dari JPPH.



Kursus Dalam Talian : Kursus Pelupusan Tanah di Bawah KTN (TLE18/26)

TARIKH : 23 – 25 Jun 2026


TEMPAT : Dalam Talian (Google Meet)

RINGKASAN PROGRAM

Kursus ini telah dihadiri seramai 50 orang dari pelbagai Kementerian/Jabatan. Kursus ini bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kefahaman berkaitan kuasa pelupusan tanah di bawah KTN (Akta 828).

Penceramah Jemputan

1. Encik Abnorhady bin Abu Bakar
2. Encik Abdul Malek bin Abdullah
3. Encik Zahar bin Sapar
4. Encik Huzaifah bin Amnan
5. Encik Munirah binti Zakaria



Kursus Sijil Pentadbiran Tanah -Modul II : Bilangan 1 **(Modul Kanun Tanah Negara)**

TARIKH : 08 – 11 Jun 2026

TEMPAT : Pusat Kecemerlangan Geomatik , INSTUN

RINGKASAN :
PROGRAM

Kursus ini telah dihadiri seramai 10 orang terdiri daripada pegawai di Kementerian/ Jabatan/ Pejabat Tanah Dan Galian /Pejabat Daerah Dan Tanah. Kandungan kursus ini merangkumi tajuk berikut:

- Tanggungjawab dan Kuasa Pendaftar di bawah KTN
- Pindah Milik, Gadaian dan Lien serta Pendaftarannya
- Pajakan, Ismen dan Pendaftarannya & Sewaan dan Endorsannya
- Halangan Urusniaga dan Kemasukannya
- Pendaftaran Peletakhakan Berkanun, Perintah Peletakhakan, Probet, Amanah dsb.
- Proses Penyediaan Hak Milik Tetap dan Sementara Serta Penukaran Hak Milik Sementara kepada Hak Milik Tetap
- Proses Penyediaan Hak Milik Sambungan, Gantian dan Pendua serta Pendaftarannya
- Proses Pembetulan, Penukaran, Urusan Usang dan Penyeragaman Syarat Nyata di bawah KTN
- Pengurusan Notis di bawah KTN
- Pembentangan Tugas Kumpulan



Bahagian Teknologi Maklumat (BTM)

Eksplorasi Borangmy oleh Govtech Malaysia

TARIKH : 12 Jun 2026

TEMPAT : Dalam Talian

**RINGKASAN
PROGRAM** :

Sesi perkongsian oleh Jabatan Digital Negara (JDN) berhubung BorangMY telah diadakan secara dalam talian pada 12 Jun 2026. Sesi perkongsian ini turut dihadiri oleh pegawai daripada INSTUN. Sesi ini memberi makluman awal dan pengenalan tentang perkhidmatan BorangMy.

BorangMY merupakan sebuah platform pembinaan borang digital dibawah ekosistem go.gov.my. BorangMY merupakan komponen strategik yang dibangunkan bagi memangkin proses pendigitalan borang kerajaan, sekali gus menyokong penyampaian perkhidmatan digital secara menyeluruh merentas kementerian dan agensi. Platform ini membolehkan agensi kerajaan membina borang dalam talian dengan pantas tanpa memerlukan kepakaran pengaturcaraan yang tinggi, seterusnya meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.





Kursus Dalam Talian: Pemantapan Produktiviti Menggunakan Google Workspace (GWS) (TME12/26)


TARIKH : 25 hingga 26 Jun 2026

TEMPAT : Dalam Talian

RINGKASAN PROGRAM :

Kursus ini telah berlangsung secara bersemuka selama 2 hari dengan dihadiri oleh 153 orang peserta dari pelbagai Agensi seluruh Malaysia dengan keutamaan kepada pengguna MyGovUC. Penganjuran kursus ini adalah bagi memberi pendedahan dalam memperkenalkan serta mengaplikasikan Google Workspace (GWS) berserta AI dalam organisasi. Sepanjang kursus ini berlangsung semua peserta telah memberikan kerjasama, komitmen dan menunjukkan minat yang tinggi dalam menyertai semua aktiviti kursus yang telah diaturkan. Metodologi yang digunakan dalam kursus ini adalah syarahan, perbincangan, latih amal dan komunikasi dua hala.





Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (BPP)

Program Jom Sihat @ INSTUN

TARIKH : 3, 10, 24 Jun 2026

TEMPAT : Perkarangan INSTUN

**RINGKASAN
PROGRAM** :

Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) INSTUN Bilangan 1 Tahun 2026 telah berjaya dilaksanakan pada 22 Mei 2026 (Jumaat) bertempat di Bilik Mesyuarat Melati, Wisma INSTUN. Mesyuarat yang penting ini telah dipengerusikan secara langsung oleh Pengarah INSTUN, Tuan Khairin Nazry bin Karim. Sesi ini turut dihadiri oleh semua Ketua Bahagian serta wakil-wakil bahagian INSTUN bagi memastikan penglibatan menyeluruh dalam struktur pengurusan organisasi.

Fokus utama mesyuarat ini adalah untuk mengkaji semula pencapaian dasar dan objektif kualiti, menilai prestasi semasa organisasi, serta membincangkan maklum balas pelanggan bagi memantapkan lagi sistem perkhidmatan. Selain itu, platform ini turut digunakan untuk meneliti status tindakan pembetulan daripada penilaian lalu dan membincangkan ruang penambahbaikan berterusan (continual improvement) demi memacu kecemerlangan INSTUN sepanjang tahun 2026. Secara keseluruhannya, mesyuarat ini telah berjalan dengan lancar dan mencapai objektif yang ditetapkan. Komitmen padu yang ditunjukkan oleh Tuan Pengarah serta seluruh barisan kepimpinan dan wakil bahagian mencerminkan kesungguhan INSTUN dalam mengekalkan standard pengurusan kualiti yang tinggi dan berintegriti.



Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU)
antara Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) dan
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

TARIKH : 19 Jun 2026

TEMPAT : Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) , Tanjung Malim

**RINGKASAN
PROGRAM** :

Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bertempat di Bangunan Canselori, UPSI sebagai simbol komitmen berterusan kedua-dua institusi dalam memperkukuh jaringan kerjasama strategik. Dokumen kerjasama strategik tersebut telah ditandatangani oleh YBrs. Tuan Khairin Nazry bin Karim, Pengarah INSTUN dan YBhg. Profesor Dato' Dr. Md Amin bin Md Taff, Naib Canselor UPSI.

Pemeteraian baharu ini melibatkan tempoh kerjasama selama tiga (3) tahun bermula 19 Jun 2026 hingga 19 Jun 2029 yang memberi fokus kepada pelaksanaan program dan aktiviti dalam bidang latihan, penyelidikan, penerbitan serta perkongsian kepakaran khususnya dalam bidang pentadbiran tanah, ukur dan pemetaan. Kerjasama ini dijangka dapat memperluaskan peluang pembangunan ilmu, meningkatkan kompetensi modal insan serta menyokong agenda kecemerlangan institusi melalui penggabungan kepakaran akademik dan profesional yang dimiliki oleh kedua-dua pihak.

Majlis turut disaksikan oleh wakil pengurusan tertinggi INSTUN dan UPSI serta pegawai daripada pelbagai bahagian yang hadir bagi menunjukkan sokongan terhadap usaha memperkukuh hubungan strategik antara INSTUN dan UPSI. Diharapkan kerjasama yang terjalin ini akan membawa manfaat besar kepada kedua-dua belah pihak dan menjadi pemangkin kepada pelaksanaan inisiatif yang lebih berimpak tinggi, sekali gus menyumbang kepada pembangunan kapasiti sumber manusia dan kemajuan sektor pentadbiran tanah, ukur dan pemetaan di negara ini.

Setinggi-tinggi tahniah dan syabas diucapkan kepada INSTUN dan UPSI atas kejayaan meneruskan jalinan kerjasama strategik ini. Semoga hubungan yang terjalin terus berkembang dan menjadi pemangkin kepada pelaksanaan inisiatif berimpak tinggi demi manfaat bersama.





Lawatan Ke Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2026

TARIKH : 4 Jun 2026

TEMPAT : Pusat Dagangan Dunia, Kuala Lumpur

**RINGKASAN
PROGRAM** :

4 Jun 2026 - Seksyen Perpustakaan dan Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (BPP) Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) telah menganjurkan Lawatan ke Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) pada 4 Jun 2026 yang bertempat di Pusat Dagangan Dunia, Kuala Lumpur.

Seramai 25 orang kakitangan INSTUN telah menyertai lawatan ini dan menggunakan peluang untuk memilih dan membeli bahan bacaan yang berkualiti dan terkini buku-buku pelbagai bidang. Selain daripada itu, peserta lawatan juga berpeluang berjumpa dengan penulis buku dan menyertai bengkel dan aktiviti menarik yang disediakan.

Semoga lawatan ini dapat diteruskan dari masa ke semasa dalam menggalakan budaya membaca dalam kalangan warga INSTUN khususnya.



Audit Pengawasan (Surveillance Audit) ISO 9001:2015 Tahun 2026

TARIKH : 4 Jun 2026

TEMPAT : INSTUN

**RINGKASAN
PROGRAM** :

Audit Pengawasan (Surveillance Audit) ISO 9001:2015 Tahun 2026 peringkat Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) telah berjaya dilaksanakan pada 8 Jun 2026 bertempat di INSTUN. Sesi audit ini telah dirasmikan oleh Yang Berusaha Tuan Khairin Nazry bin Karim, Pengarah INSTUN, manakala keseluruhan proses audit telah dikendalikan oleh pihak AJA EQS Certification bagi menilai keberkesanan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) ISO 9001:2015 di INSTUN.

Pelaksanaan audit ini membuktikan komitmen berterusan INSTUN dalam mengekalkan standard kualiti yang tinggi serta memperkukuh amalan penambahbaikan berterusan dalam penyampaian perkhidmatan. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua auditi serta setiap bahagian yang telah memberikan kerjasama, komitmen dan profesionalisme yang cemerlang sepanjang sesi audit berlangsung. Semoga budaya kerja berkualiti ini terus diperkasakan demi melonjakkan kecemerlangan INSTUN pada masa hadapan.



Sesi Pembukaan Audit Pengawasan (*Surveillance Audit*) ISO 9001:2015 Tahun 2026

TARIKH : 8 Jun 2026

TEMPAT : INSTUN

**RINGKASAN
PROGRAM** :

Sesi Pembukaan Audit Pengawasan (*Surveillance Audit*) ISO 9001:2015 Tahun 2026 Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) telah diadakan sebagai langkah berterusan bagi memastikan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) yang diamalkan sentiasa mematuhi keperluan piawaian ISO 9001:2015. Sesi ini menjadi platform untuk memperkenalkan skop audit, objektif pelaksanaan serta kaedah penilaian yang akan dijalankan oleh pasukan juruaudit terhadap proses kerja dan penyampaian perkhidmatan di INSTUN.

Pelaksanaan audit ini mencerminkan komitmen berterusan INSTUN dalam membudayakan kecemerlangan organisasi melalui amalan penambahbaikan berterusan, tadbir urus yang cekap serta penyampaian perkhidmatan yang berkualiti. Diharapkan hasil audit ini dapat membantu mengenal pasti ruang penambahbaikan yang berpotensi sekali gus memperkukuh keberkesanan Sistem Pengurusan Kualiti demi memenuhi kehendak pelanggan dan pihak berkepentingan.



Bahagian Pentadbiran dan Kewangan (BPK)

Program Ceramah Maal Hijrah Sempena Awal Muharram 1448H

TARIKH : 23 Jun 2026

TEMPAT : Auditorium INSTUN

**RINGKASAN
PROGRAM** :

Seksyen Hal Islam Bahagian Pentadbiran dan Kewangan INSTUN telah menganjurkan Program Ceramah Maal Hijrah Sempena Awal Muharram 1448H bertempat di Auditorium INSTUN.

Ceramah ini disampaikan oleh Muhammad Hasbi Abdul Rahman dari Jabatan Pengajian Islam Falkuti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang bertajuk Muharram: Melakar Hijrah Membina Peradaban Madani.

Objektif program ini memberi kefahaman kepada warga INSTUN mengenai sejarah dan pengajaran di sebalik peristiwa hijrah Rasulullah SAW dari Makkah ke Madinah sebagai titik permulaan pembentukan masyarakat Islam yang unggul. Ianya juga mendorong warga INSTUN untuk melakukan transformasi diri dari aspek akhlak, ibadah, sahsiah dan prestasi kerja selaras dengan konsep hijrah yang menuntut perubahan positif dalam kehidupan.

Program Ceramah Maal Hijrah Sempena Awal Muharram 1448H dilaksanakan bagi meningkatkan kefahaman warga INSTUN terhadap makna hijrah yang sebenar serta membentuk individu yang berilmu, berakhlak dan berdaya saing. Melalui program ini, warga INSTUN dapat mengambil iktibar daripada perjuangan Rasulullah SAW dan menjadikannya sebagai inspirasi untuk melakukan perubahan yang positif demi mencapai kecemerlangan dalam kehidupan serta kerjaya.

Program ini diakhiri dengan sesi penyampaian cenderahati kepada penceramah oleh Ts. Haji Zulkarnain Bin Kamaruddin

Semoga program ini dapat meningkatkan kefahaman warga INSTUN terhadap makna hijrah yang sebenar serta membentuk individu yang berilmu, berakhlak dan berdaya saing.




Kursus Dalam Talian : Integriti Cerminan Iman dan Keperibadian

TARIKH : 23 Jun 2026 (SELASA)

TEMPAT : Secara Dalam Talian (Google Meet)

**RINGKASAN
PROGRAM**

Unit Integriti telah mengadakan kursus dalam talian yang bertajuk Integriti Cerminan Iman dan Keperibadian. Kursus ini telah disertai oleh kakitangan pelbagai jawatan daripada pelbagai agensi awam iaitu seramai 52 orang. Objektif kursus ini adalah untuk mempertingkatkan lagi pengetahuan berkaitan integriti dalam konsep yang lebih mudah untuk difahami agar dapat menjadi cerminan kepada semua penjawat awam.



Kunjungan Hormat Institut Tanah Dan Ukur Negara (Instun) ke atas Razak School Of Government (RSOG)

TARIKH : 4 JUN 2026


TEMPAT : Institut Tadbiran Awam Negara, Kuala Lumpur

**RINGKASAN
PROGRAM** :

INSTUN telah mengadakan kunjungan hormat ke atas RSOG bertempat di INTAN Jalan Ilmu. Delegasi dari INSTUN diketuai oleh Ybrs. Tuan Khairin Nazry bin Karim, Pengarah INSTUN bersama wakil pengurusan tertinggi dan pegawai - pegawai kanan INSTUN. Ybrs. Dr. Wafi Nazrin bin Dr. Abdul Hamid selaku Ketua Pegawai Eksekutif RSOG telah menyambut kehadiran delegasi INSTUN sempena kunjungan hormat tersebut.

Tujuan kunjungan hormat ini dibuat adalah untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan cara pengurusan RSOG di bawah INTAN dengan merujuk kepada program-program kolaborasi strategik mereka yang melatih pegawai awam Malaysia dalam kepimpinan, tadbir urus korporat, etika, dan pengurusan acara.

Semoga hubungan dua hala yang terjalin ini terus berkekalan dan membawa manfaat bersama yang berpanjangan kepada kedua-dua institusi.



Sesi Pembukaan dan Sesi Penutupan Audit Pengawasan (SURVEILLANCE AUDIT) ISO 9001: 2015 Tahun 2026

TARIKH : 8 JUN 2026

TEMPAT : INSTUN

**RINGKASAN
PROGRAM** :

Pada 8 Jun 2026, Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) telah mengadakan Sesi Pembukaan dan Sesi Penutupan Audit Pengawasan (Surveillance Audit) ISO 9001:2015 bagi menilai keberkesanan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti yang diamalkan oleh institut. Audit ini merupakan sebahagian daripada komitmen berterusan INSTUN dalam memastikan pematuhan terhadap standard kualiti yang ditetapkan serta memperkuat budaya penambahbaikan berterusan ke arah penyampaian perkhidmatan yang lebih cemerlang dan berkualiti.



BULETIN INSTUN

Rekabentuk oleh :
Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan



INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA (INSTUN)
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
Behrang Ulu, 35950 Tanjong Malim,
Perak Darul Ridzuan
Tel : 05 - 454 2825 Faks : 05 - 454 2837
www.instun.gov.my

eISSN 3120-3302



9 773120 330005